



IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN OPERASI CUKAI
MENARA HASIL, ARAS 12
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8,
63000 CYBERJAYA
SELANGOR

Telefon : 03-83138888

Faks : 03-83137853

: 03-83137854

: 03-83137855

Laman Web: <http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

LHDN.01/32.1/193/31/1

11 November 2014

Pengarah Eksekutif
Chartered Tax Institute Of Malaysia (CTIM),
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II,
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Malaysia (MIA),
Dewan Akauntan No. 2,
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields,
50470 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA),
15, Jalan Medan Tuanku,
50300 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA),
Pejabat Sekretariat MATA,
27-1, Blok 1D, Jalan Wangsa Delima 12, Wangsa Link, Pusat Bandar Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA),
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City,
Lingkaran Syed Putra,
59200 Kuala Lumpur.

Presiden,
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS),
No. 23A, 1st Floor,
Jalan SS 24/11, Taman Megah,
47301 Petaling Jaya, Selangor.

Presiden,
Institute of Cooperative and Management Accountants (ICMA)
No. 14M, Jalan Zirkon E7, Seksyen 7
40000 Shah Alam
Selangor

Bekas Pegawai Hasil
Unit 19A-23-5, Business Suite, OUA Centre
19 Jalan Pinang,
50450 Kuala Lumpur
CPA Australia
Suite 10.01, Level 10, The Gardens South Tower, Mid Valley City
Lingkar Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tuan/Puan,

**MINIT MESYUARAT WORKING GROUP LHDNM DENGAN PERSATUAN
AKAUNTAN DESIRE BIL. 2/2014 - MENFAILKAN BNCP & CP204 UNTUK
SYARIKAT DORMAN**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Lanjutan daripada Mesyuarat Working Group Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Dengan Persatuan Akauntan – DESIRE Bil.2/2014 pada 19 September 2014, bersama-sama ini dikemukakan minit tersebut untuk tindakan selanjutnya.

3. Kesiediaan Persatuan memberikan kerjasama untuk membuat hebahan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”**



[DATU MOHAMMAD SAIT BIN AHMAD]

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian)

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga hasil Dalam Negeri Malaysia

MINIT MESYUARAT
WORKING GROUP LHDNM DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN DESIRE
BIL. 2/2014 – MENFAILKAN BNCP & CP204 UNTUK SYARIKAT
DORMAN

Tarikh : 19 September 2014 (Selasa)
Masa : 3.15 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Bendahara, Aras 1, Menara Hasil, Cyberjaya.

Kehadiran:

A. WAKIL LHNDM		
1.	YBhg. Dato Mohammad Sait Bin Ahmad	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Percukaian) - Pengerusi
2.	Tn. Hj. Mohd Idris Bin Mamat	Pengarah Jabatan Operasi Cukai (JOC)
3.	Pn. Mariam Mohd	Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat (JTM)
4.	Cik Halijah Bulat	Pengarah Jabatan Cukai Korporat (JCK)
5.	Pn. Rozina Shaik Osman Merican	Pengarah Negeri WP Putrajaya
6.	En. Mohammed Noor Ahmad	Pengarah Bahagian Dasar & Operasi (BDO JOC)
7.	En. Zulkiflee Md. Tahir	Pengarah Cawangan KL Bandar
8.	En. Abdul Halim Omar	Pengarah Cawangan Wangsa Maju
9.	En. Mohd Yusof Hassan	Pengarah Cawangan Petaling Jaya
10.	En. Kamarudin Hashim	Pengarah Cawangan Cheras
11.	En. Musa Othman	Pengarah Bahagian Perangkaan & Integriti Data (BPID JOC)
12.	Cik Norhayati Mat Kassim	Pengarah Bahagian Pembangunan Operasi (BPO JOC)
13.	En. Badri Basiran	Timbalan Pengarah Bahagian BDO
14.	En. Solahudin M. Yusoff	Timb. Pengarah Cawangan Shah Alam
15.	Pn. Liz Ellyna Mohd Zaid	Wakil Pengarah Jabatan Undang-undang
16.	En. Noorhelmi Azrul Mohd Nor	Wakil Pengarah Pusat Khidmat Pelanggan

17.	En. Nor Anasfahmi Mohd Anas	Wakil Pengarah Bahagian. Dasar & Operasi Pungutan (JPH)
18.	Cik Saw Guat Eim	Penolong Pengarah BDO JOC
19.	Pn. Ooi Chooi Peng	Penolong Pengarah BDO JOC
20.	Cik Sharifah Ahmad	Penolong Pengarah BPO JOC
21.	Pn. Suriyanti Esa	Penolong Pengarah BPO JOC
22.	En. Mohd Azwan Bin Mohamad	Penolong Pengarah BPO JOC
23.	Pn. Maslinda Mohd Daud	Penolong Pengarah BPO JOC
24.	En. Mohamad Rozainy Md. Arif	Penolong Pengarah BDO JOC
25.	En. Mohd Suffian Bin Razak	Penolong Pengarah BDO JOC
26.	Pn. Hafizah Ahmad Tarmizi	Penolong Pengarah BDO JOC
27.	En. Mohd Rozaini Mohamed	Penolong Pengarah BDO JOC
28.	En. Raziman Bin Mat Janih	Penolong Pengarah BDO JOC
29.	Pn. Intan Melati Binti Ahmad	Penolong Pengarah JTM
30.	En. Mohamad Nizar Mokhtar	Penolong Pengarah BPP JOC
31.	En. Noor Mohamad Zakariah	Penolong Pegawai BPP JOC
32.	Pn. Piramanayaki Arunachalam	Penolong Pegawai BPP JOC

B. WAKIL PERSATUAN AKAUNTAN & PENGAMAL PERCUKAIAN

1.	En. Aruljothi A/L Kanagaretnam	Wakil CTIM
2.	Puan Phan Wai Kuan	Wakil CTIM
3.	Puan Seah Siew Yun	Wakil CTIM
4.	Encik Thong Vee Kean	Wakil CTIM
5.	Puan Woon Yoke Lee	Wakil MICPA
6.	Puan Tan Yu Yin	Wakil MICPA
7.	Encik Lau Haw Chong	Wakil MACS
8.	Encik Mohd Salimi	Wakil MACS

9.	Cik Yeo Eng Ping	Wakil MIA
10.	Cik Wong Yok Chin	Wakil MIA
11.	Puan Azlina Zakaria	Wakil MIA
12.	Puan Fatimah Ariffin	Wakil MATA
13.	Puan Fadhlina Mohd Zakri	Wakil MATA
14.	Encik Tan Hock Kim	Wakil MAICSA
15.	Encik Peter Lim Thiam Kee	Wakil MAICSA
16.	Encik Eric Yong Siew Meng	Wakil MAICSA
17.	Encik Muhammad Bin Md. Nor	Wakil ICMA
18.	Cik Ang Weina	Wakil Deloitte Tax Services
19.	Encik Chow Kuo Seng	Wakil Deloitte Tax Services

1. UCAPAN PENDAHULUAN Pengerusi

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan selamat sejahtera, serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat daripada Persatuan Akauntan dan Pengamal Percukaian dan pegawai-pegawai LHDNM.

2. MAKLUMAN Pengerusi

Seterusnya Pengerusi memaklumkan perkara-perkara berikut:

2.1 Tujuan Mesyuarat adalah untuk memaklumkan pendirian LHDNM berhubung isu berbangkit tentang 'Menfailkan BNCP dan CP204 untuk Syarikat Dorman' oleh pihak CTIM melalui surat bertarikh 3 September 2014 lanjutan dari surat LHDNM bertarikh 18 Ogos 2014 sebagai maklum balas kepada surat CTIM bertarikh 3 Julai 2014 dan minit mesyuarat DESIRE bil.1/2014 pada 10 Jun 2014.

2.2 Pengerusi menegaskan pendirian LHDNM bahawa syarikat dormant perlu mematuhi peruntukan Seksyen 77A ACP 1967 yang menghendaki setiap syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi untuk mengemukakan BNCP dalam tempoh 7 bulan dari tarikh penutupan tempoh perakaunan. Tiada

peruntukan dalam ACP 1967 yang mengecualikan syarikat daripada mematuhi seksyen 77A. Syarikat dormant yang telah mendaftar fail cukai pendapatan walaupun bagi tujuan CKHT sahaja, juga masih tertakluk kepada seksyen 77A.

2.3 Sehubungan itu, syarikat dormant dan yang belum memulakan operasi tetapi pendaftarannya belum dibatalkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) juga dikehendaki mengemukakan BNCP mulai tahun taksiran 2014.

2.4 Seperti yang telah ditetapkan sebelum ini bahawa LHDNM bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan CTIM agar syarikat-syarikat yang dormant, belum memulakan operasi atau yang telah menerima surat pengecualian dari cawangan-cawangan LHDNM, perlu mengemukakan BNCP secara prospektif mulai tahun taksiran 2014 mengikut pertimbangan '*case-to-case basis*'.

2.5 Pengerusi menjelaskan pertimbangan '*case-to-case basis*' bermaksud syarikat dormant dan yang belum memulakan operasi perlu mengemukakan BNCP mulai tahun taksiran 2014 secara prospektif, apabila LHDNM menggunakan kuasa meminta syarikat dormant mengemukakan BNCP bagi tahun-tahun ke belakang untuk melaporkan pendapatan sekiranya ada keraguan semasa kes diaudit oleh LHDNM.

2.6 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa kemudahan pendaftaran fail cukai pendapatan Syarikat secara dalam talian melalui e-Daftar telah ditambah baik untuk membenarkan syarikat dormant dan yang belum memulakan operasi membuat pendaftaran nombor fail bagi tujuan mengemukakan BNCP di mana ruangan tarikh mula akaun, tarikh tutup akaun dan tarikh mula beroperasi tidak mandatori untuk diisi.

2.7 Manakala untuk pengisian BNCP secara e-Filing, syarikat dormant dan yang belum memulakan operasi perlu mengisi ruangan tempoh perakaunan dan tempoh asas seperti yang ditentukan sendiri dan dilaporkan kepada SSM, contohnya tempoh perakaunan yang dilaporkan. Untuk pengisian kod perniagaan syarikat dormant dan yang belum memulakan operasi hendaklah menentukan sendiri berdasar niat asal (*original intention*) jenis perniagaan yang ingin

dijalankan semasa pendaftaran dengan SSM. Sekiranya syarikat dormant atau belum memulakan operasi tiada pendapatan, ruangan Pendapatan Berkanun Perniagaan hendaklah diisikan amaun '0'.

2.8 Pengesahan diberikan seperti yang difahami oleh pihak CTIM bahawa Borang CP204 tidak perlu dikemukakan oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah dan koperasi yang belum memulakan operasi.

2.9 Berikutan dari surat LHDNM bertarikh 18 Ogos 2014, LHDNM banyak menerima pertanyaan lanjut dari akauntan dan ejen-ejen cukai yang meminta penjelasan dan pengesahan berkaitan isu-isu 'Menfailkan BNCP dan CP204 oleh syarikat Dormant. Pengerusi memohon kerjasama dan bantuan dari persatuan badan-badan profesional untuk memaklumkan ahli-ahli mereka agar mengemukakan pertanyaan kepada persatuan terlebih dahulu bukan secara terus kepada LHDNM. Sekiranya, persatuan tidak dapat memberikan jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh ahli-ahli mereka, persatuan bolehlah mengemukakan kompilasi isu-isu tersebut kepada LHDNM untuk memberi jawapan balas.

3. HAL-HAL LAIN

Pengerusi memaklumkan semua isu-isu yang akan dibangkitkan oleh badan profesional akan diberikan jawapan secara bertulis oleh pihak LHDNM.

4. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir kerana penglibatan aktif ahli-ahli dalam perbincangan. Mesyuarat ditamatkan pada jam 4.15 petang.

